

09 OCT 2003

Mahathir-Timbangtara (Bergambar)/I

DR M NAFI LANGKAH BAWA KES PENAMBAKAN KE PROSES TIMBANGTARA TIADA MERIT

PUTRAJAYA, 9 Okt (Bernama) -- Malaysia menafikan dakwaan Singapura bahawa ia tidak mempunyai merit untuk membawa kes penambakan tanah di Selat Johor ke penghakiman timbangtara dan langkah itu hanya sia-sia kerana ia akhirnya akan gagal.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menafikan dakwaan itu berkata cadangan itu tidak masuk akal.

"Sehingga anda membawa kes itu ke penghakiman timbangtara, anda tidak akan tahu sama ada anda di pihak yang betul atau salah.

"Cadangan bahawa kita tidak harus bawa kes itu ke proses timbangtara kerana kita mungkin kalah, saya rasa ia tidak masuk akal," kata Dr Mahathir kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat bersama Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri di Pejabat Perdana Menteri, di sini, hari ini.

Mesyuarat bersama Menteri Besar dan Ketua Menteri itu adalah yang terakhir bagi Dr Mahathir yang akan bersara hujung bulan ini.

Dr Mahathir berkata demikian apabila diminta mengulas mengenai kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Luar Singapura bahawa langkah membawa kes itu ke proses timbangtara tidak mempunyai merit, khasnya selepas keputusan yang dikeluarkan oleh Tribunal Antarabangsa Undang-undang Laut (ITLOS) semalam.

Jurucakap itu juga mendakwa keputusan ITLOS semalam sebenarnya menyokong pendirian Singapura bahawa ia tidak perlu menghentikan kerja-kerja penambakan di Tuas dan Tekong.

Semalam ITLOS yang berpangkalan di Hamburg, Jerman, memutuskan bahawa Singapura harus memaklumkan kepada Malaysia semua aktiviti penambakan tanah dan pembangunan di Selat Johor sementara mengekalkan hak republik itu untuk menjalankan aktiviti berkenaan di situ.

Tribunal itu juga mengarahkan kedua-dua pihak untuk menubuhkan satu kumpulan pakar bebas bagi menjalankan kajian yang dibiayai bersama terhadap impak projek penambakan itu dan laporan interim akan kerja-kerja menimbus di Selatan Pulau Tekong.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak kisah sama ada Malaysia akan menang atau kalah nanti, tetapi yang lebih penting ialah untuk mengetahui sama ada wajarkah bagi Singapura menjalankan penambakan tanah di Selat Johor.

"Ada kalanya anda menang, ada kalanya anda kalah. Itu dia intipati timbangtara."

"Anda tidak boleh berkata anda bawa kes itu ke penghakiman timbangtara, dan jika kalah, maka andalah yang bersalah," katanya.

Dr Mahathir menambah kata beliau percaya mana-mana negara yang menghadapi situasi yang sama sudah pasti akan membawa kes itu ke proses timbangtara.

Malaysia juga menyambut baik keputusan sebulat suara ITLOS supaya kedua-dua pihak menubuhkan satu kumpulan pakar bebas dengan syarat dan terma yang dipersetujui kedua-dua pihak.

Tribunal itu telah berkata, kumpulan itu perlu menjalankan satu kajian untuk menentukan impak yang disebabkan penambakan tanah oleh Singapura dan untuk mencadangkan langkah-langkah menangani kesan buruk daripada aktiviti itu.

"Di sebaliknya, mereka (Singapura) perlu membentuk satu jawatankuasa pakar untuk melihat sama ada mereka menyebabkan masalah kepada Malaysia, dan jika begitu mereka perlu hentikan kerja," katanya.

Sementara itu mengulas mengenai pertemuan terakhir beliau bersama para

Menteri Besar dan Ketua Menteri yang turut dihadiri oleh beberapa Menteri Kabinet, beliau berkata ia berjalan dengan lancar dalam penuh mesra.

"Pertemuan terakhir saya dengan dia orang (Menteri Besar dan Ketua Menteri). Saya dapat memberi sedikit pendapatlah," katanya.

Dr Mahathir berkata, mesyuarat itu dapat membentangkan tujuh kertas kerja dan perbincangan setiap satu daripadanya adalah baik.

"Kita dapat bentangkan tujuh kertas (semasa mesyuarat), semuanya baik," katanya.

Dr Mahathir juga menambah kata beliau juga telah mengemukakan semua keputusan Menteri Kabinet yang berkaitan dengan hal ehwal negeri seperti air, pelupusan sisa dan kadar caj kepada Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri.

"Saya dapat sampaikan keputusan-keputusan Jemaah Menteri kepada Menteri Besar dan Ketua Menteri berkaitan dengan Kerajaan Negeri, soal air, pelupusan sampah, kadar kutipan, kadar caj, dan Kerajaan Negeri bersetuju berkerjasama," kata Dr Mahathir.

Beliau menambah kata, beliau sentiasa percaya setiap Kerajaan Negeri sentiasa boleh meningkatkan prestasi mereka dalam menyediakan perkhidmatan baik kepada orang ramai.

-- BERNAMA

RIZ PR